



ABD SHUKOR (kiri) bertukar dokumen dengan Mohanadas (dua dari kanan) selepas majlis MoU di Putrajaya, semalam. Majlis turut disaksikan Dr Mahathir.

Majlis Peguam bukan pertubuhan politik

PUTRAJAYA: Majlis Peguam sepatutnya menumpukan sepenuh perhatian kepada fungsinya sebagai sebuah badan profesional dan tidak wajar bertindak seperti parti politik, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, jika Majlis Peguam masih mahu bertindak sebagai parti politik di negara ini, ia sepatutnya menyerahkan fungsi badan profesional dalam bidang perundangan kepada pihak lain.

“Saya rasa Majlis Peguam harus memberikan tumpuan sepenuhnya kepada fungsi sebagai sebuah badan profesional tetapi sekarang ini nampaknya mereka lebih cenderung untuk menjadi parti politik.

“Jika Majlis Peguam lebih berminat untuk menjadi parti politik, maka biarlah fungsinya sebagai badan profesional diambil alih oleh organisasi lain,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persepahaman (MoU) antara Universiti Perdana dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta MARDI, di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Canselor Universiti Perdana, berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Majlis Peguam yang dilihat banyak mengeluarkan kenyataan berpihak

kepada parti pembangkang termasuk isu penganjuran perhimpunan haram BERSIH 3.0, pada 28 April lalu.

Pada majlis itu, Perdana Universiti diwakili Naib Canselornya, Datuk Dr R Mohanadas; MARDI diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman, manakala UPM diwakili Naib Canselornya, Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, mencadangkan penubuhan Akademi Undang-Undang sebagai badan alternatif kepada golongan berlatar belakang perundangan untuk membincangkan segala isu dari sudut undang-undang.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata Majlis Peguam hanya mengeluarkan kenyataan selaku badan profesional sekiranya ada masalah membabitkan isu perundangan dan bukannya berkempen untuk mana-mana parti politik.

Ditanya mengenai tindakan Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim keluar daripada DAP, Dr Mahathir berkata Naib Pengerusi memang tidak sesuai menyertai parti itu sejak dari awal lagi.

“Saya fikir dari awal lagi dia tak sesuai dengan DAP tetapi saya tak tahu kenapa dia masuk (DAP),” katanya.